

28/07/1997

Asean bersatu perkukuh mata wang

ASEAN yang sudah mengembangkan sayapnya bergabung tenaga menggunakan kekuatan ekonomi dan taring politiknya untuk menangkis ancaman terhadap kedaulatannya dan serangan terhadap mata wang negara anggotanya. Gagasan itu yang kini mempunyai sembilan anggota mengakhiri Mesyuarat Menteri Asean ketika menyambut ulang tahunnya yang ke-30 dengan bersepakat menyambung usaha memulihkan kestabilan politik di Kemboja dan bertekad berpadu tenaga mempertahankan mata wangnya daripada ancaman spekulator. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin menamakan ahli kewangan, George Soros dari Amerika Syarikat sebagai orang yang bertanggungjawab menggugat ringgit Malaysia. Baru-baru ini Perdana Menteri berkata seorang ahli kewangan asing memanipulasi mata wang negara di rantau ini untuk memanjangkan agenda politiknya. Soros menggunakan sumber kewangan dan pengaruh politiknya untuk menyekat kemasukan Myanmar ke dalam Asean. Pertubuhan serantau itu menerima Myanmar dan Laos secara rasmi Jumaat lalu untuk menyertai Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Vietnam, Singapura, Thailand. Dr Mahathir berkata, Amerika menggunakan pengaruh politik Soros untuk menyekat penyertaan Myanmar yang didakwa membelakangi hak asasi kemanusiaan sebagai anggota Asean.

Soros, ketua penasihat dana Kumpulan Quantum yang berpangkalan di Amerika Syarikat, terkenal dan berpengaruh dalam pasaran pertukaran asing. Beliau juga dikaitkan dengan kejatuhan besar mata wang paun Britain hingga menyebabkan kemusnahan Mekanisme Kadar Tukaran Asing (ERM) pada 1992. Rakyat Hungary berbangsa Yahudi itu menafikan beliau bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan wang ringgit Malaysia, baht Thailand, peso Filipina dan rupiah Indonesia sejak beberapa minggu lalu, tetapi mengakui mahukan Malaysia dan Thailand menyekat kemasukan Myanmar dalam Asean, Rabu lalu. Kita meragui kenyataan itu dan jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat, Nicholas Burns, bahawa tiada pakatan berkaitan spekulasi mata wang Asean, sejak beberapa minggu lalu. Kita kesal kerana tindakan tidak bertanggungjawab itu menyebabkan ramai rakyat di rantau ini, termasuk Malaysia, menderita kerana menanggung kos yang tinggi berikutan nilai mata wang mereka menjadi rendah dan kuasa membeli mereka akan terjejas dengan teruk melalui pertukaran mata wang.

Dunia perlu menganggap orang seperti Soros sebagai penjenayah kerana menggugat ekonomi negara yang lemah. Rakyat negara di rantau ini sudah mengharungi onak dan duri sejak zaman penjajahan untuk membangunkan rantau ini yang kini dianggap paling pesat membangun di dunia. Bagaimanapun, kerja keras dan pengorbanan selama setengah kurun itu boleh dihancurkan oleh seorang yang mempunyai agenda politiknya sendiri. Apa yang dilakukan Soros menyebabkan negara rantau ini yang membeli mesin, peralatan dan bahan mentah dari negara maju, tiba-tiba perlu mencari lebih wang untuk membeli keperluan itu.

Kita berharap kesepakatan Asean dalam memerangi krisis mata wang itu dapat memulihkan keadaan. Untuk menghindari kemungkinan krisis seumpama itu berulang, negara di rantau ini perlu bermuafakat menentang percubaan daripada pihak tidak bertanggungjawab. Kita perlu mengadakan lebih banyak rundingan dan dialog secara ikhlas. Kita mengalu-ngalukan cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini supaya negara Asean bekerjasama untuk menangani isu itu dengan mengambil tiga pendekatan. Pendekatan itu ialah menubuhkan sistem amaran awal; berkongsi maklumat terkini serta mutakhir mengenai pembangunan ekonomi dan dasar

ekonomi; dan pembangunan infrastruktur mantap dalam sistem pembayaran dan kerjasama dalam pasaran tukaran wang. Ini bukan bermakna menubuhkan sebuah badan lain dalam kerangka Asean tetapi bekerjasama di bawah gagasan yang sama untuk mencapai objektif mengemudi rantau ini daripada kemelut kewangan yang didalangi pihak tertentu yang iri hati dengan pertumbuhan pesat Asia Tenggara.

Seperti kata Perdana Menteri krisis ini dapat diatasi dengan memastikan pertumbuhan mampan ekonomi rantau ini. Keyakinan pelabur tidak akan tergugat apabila landasan ekonomi rantau ini kukuh dan politiknya stabil. Pengurus dana pula pasti terus yakin dengan nilai mata wang negara rantau ini dan tidak mengikut telunjuk orang seperti Soros. Rangka kerjasama Asean dalam memacu ekonominya pula perlu menjurus kepada usaha memakmurkan jiran dan bukan `zero sum game' (yang menang bolot semua).

(END)